

16 JAN 1999

Singapura-Business Times

DOKUMEN DISAHKAN OLEH SUMBER, KATA EDITOR BT

SINGAPURA, 16 Jan (Bernama) -- Business Times (BT) Singapura mengatakan bahawa ia telah mendapatkan pengesahan daripada sumber-sumbernya sendiri mengenai dokumen yang dipetik dalam artikel yang diterbitkan oleh akhbar itu mengenai mesyuarat rahsia tentang bekas timbalan perdana menteri Malaysia yang dikatakan diadakan pada November lepas.

Akhbar itu hari ini menyiarkan teks penuh Menteri Penerangan Malaysia Datuk Seri Mohamed Rahmat yang menyangkal artikel itu dan apa yang dikatakan "dokumen bocor" dengan menyatakan mesyuarat itu adalah "rekaan" yang terdapat dalam Internet sebulan lepas.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat bagi kenyataannya itu dan berbesar hati untuk menyiarkan sepenuhnya.

"Kami ingin menjelaskan, bagaimanapun, bahawa dokumen yang dipetik dalam artikel kami tidak diperolehi daripada Internet. Kami mendapatkannya daripada sumber kami sendiri dan kami mengambil langkah untuk mengesahkan kesahihannya.

"Kami menyiarkan berita itu kerana percaya ia adalah betul dan kami tidak mempunyai niat buruk," kata Editor BT Patrick Daniel dalam satu nota kaki.

Artikel yang disiarkan pada 13 Jan itu ditulis oleh Editor analisis serantau BT Yang Razali Kassim yang memetik "dokumen bocor" daripada apa yang didakwa mesyuarat rahsia yang diadakan di kediaman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Nov.

Artikel itu menyatakan mesyuarat itu adalah komplot "Pusingan Kedua" untuk memerangi Anwar yang telah dipecat sebagai orang nombor dua negara dan menteri kewangan pada September dan Dr Mahathir didakwa mengaku membuat beberapa kesilapan utama dalam mengendalikan masalah Anwar.

Selain Mohamed, mereka yang dinamakan menghadiri mesyuarat itu ialah Bendahari Umno Tun Daim Zainuddin, Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik dan beberapa anggota terkemuka Umno yang lain, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, Tan Sri Sanusi Junid, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Datuk Ibrahim Ali.

Akhbar yang bernaung di bawah syarikat yang sama dengan BT, The Straits Times, telah melaporkan penafian oleh Abdul Rahim dan Ibrahim.

Mohamed berkata beliau menafikan sepenuhnya mesyuarat seumpama itu diadakan dan berpandangan artikel itu ada niat jahat untuk mencemarkan kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Umno di bawah pentadbiran kepimpinan Dr Mahathir.

"Pada ketika hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia sedang diperbaiki, artikel yang membangkitkan kemarahan dan berniat jahat oleh sebuah akhbar yang dihormati di republik itu adalah tidak baik bagi proses pemulihan itu," katanya.

Mohamed yang juga Setiausaha Agung BN berharap laporan itu hanya merupakan "satu penulisan buruk kewartawanan dan tidak mempunyai sebarang agenda lain" oleh penulis atau Business Times Singapura yang menyiarkan artikel itu dan telah diterbitkan semula oleh (akhbar Singapura lain), The New Paper.

-- BERNAMA

TCL RHM RON